

**PRU-13:PM umum aku janji tambahan BN Selangor
Utusan Online
23 April, 2013**

SUBANG 23 April - Kerajaan Barisan Nasional (BN) akan menurunkan kadar bayaran pertukaran status tanah daripada pertanian kepada perindustrian di kawasan industri kecil dan sederhana (IKS) di Sungai Buloh jika diberi mandat memerintah Selangor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perkara tersebut berkata, kajian kadar penurunan akan dibuat sebaik sahaja BN merampas semula Selangor daripada pakatan pembangkang pada Pilihan Raya Umum Ke-13, 5 Mei ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN negeri berkata, kesediaan itu merupakan aku janji tambahan BN Selangor memandangkan Sungai Buloh merupakan kawasan IKS kedua terbesar di negara ini dan mempunyai potensi pembangunan cukup besar.

"Ini aku janji tambahan kita kepada rakyat Selangor. Hal ini kerana IKS kedua terbesar di Malaysia terletak di Sungai Buloh," katanya semasa berucap di hadapan lebih 5,000 pengundi Cina, Melayu dan India dalam majlis ramah mesra bersama pengundi di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kampung Baru, Sungai Buloh dekat sini malam tadi.

Yang turut hadir isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Pengerusi BN Selangor, Datuk Seri Noh Omar; calon BN Parlimen Subang, A. Prakash Rao serta calon Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras, Datuk Ir. Bushro Mat Johor; Bukit Lanjan, Francis Chong dan Kota Damansara, Halimahton Saa diah Bohan. - UTUSAN ONLINE

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: : http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130423/px_01/PRU-13-PM-umum-aku-janji-tambahan-BN-Selangor#ixzz2ZtucyjKq

© Utusan Melayu (M) Bhd